

# SEKITAR



EDISI 10 : 16 - 31 MEI 2016

## KOMITMEN KERAJAAN MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG BERPRESTASI TINGGI DAN BERINTEGRITI



Sesi Bersama Media Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015

**ms3**



Mesuarat Agung Tahunan dan  
Majlis Apresiasi Kelab JPA Tahun  
2016

**ms2**



Majlis Penyampaian Biasiswa Yang  
di-Pertuan Agong Sesi 2016/2017

**ms4**



Lawatan Kerja KPPA ke United  
Kingdom, Russia, Republik Czech,  
Jerman dan Perancis

**ms5**

## Sesi Tausiyah Madrasah Ramadhan Membentuk Jati Diri

**PUTRAJAYA, 16 MEI 2016** - Sesi Tausiyah Madrasah Ramadhan Membentuk Jati Diri telah diadakan di Auditorium JPA, Blok C1, Kompleks C dengan ceramah istimewa yang telah disampaikan oleh Habib Ali Zaenal Abidin Al Hamid, Pembimbing Majlis Ta'lim Darul Murtadza yang bertajuk 'Membentuk Jati Diri Rabbani'. Majlis ini adalah hasil usahasama di antara PUSPANITA

JPA dan Persatuan Amal, Kebajikan Dan Sukan (PAKSU), Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA.

Sebelum bermula sesi tersebut, Habib Ali Zaenal Abidin Al Hamid sempat berkunjung ke Pejabat YBhg. Tan Sri KPPA sebagai *courtesy call*.



## Mesyuarat Agung Tahunan dan Majlis Apresiasi Kelab JPA Tahun 2016



**PUTRAJAYA, 19 MEI 2016** - Mesyuarat Agung Tahunan Kelab JPA Ke-26 telah berlangsung di Auditorium JPA, Blok C1, Kompleks C dan telah dirasmikan oleh penaung Kelab JPA sendiri, YBhg. Tan Sri KPPA. Mesyuarat Agung ini diadakan sebagai platform bagi membincangkan laporan pelaksanaan aktiviti program dan aktiviti di bawah kelab, laporan penyata kewangan kelab, dan laporan audit kelab bagi tahun sebelumnya, serta perancangan program

tahunan kelab bagi tahun ini.

Tangguhannya mesyuarat tersebut, ahli-ahli mesyuarat telah dijemput ke Dewan Mezzanine JPA, Blok C1, Kompleks C bagi menghadiri ke Majlis Apresiasi Kelab JPA Tahun 2016. YBhg Tan Sri KPPA sebagai Penaung Kelab JPA sempat menyampaikan sepatah dua kata dan cenderhati tanda penghargaan kepada ahli-ahli kelab yang telah berpindah ke penempatan baru.



## Flag Off Program Team Bonding Komuniti 1SERVE



**PUTRAJAYA, 19 MEI 2016** - National *Blue Ocean Strategy* - NBOS, JPA telah berjaya melaksanakan sebuah lagi inisiatif dibawah 1SERVE, iaitu Program *Team Bonding* Komuniti 1SERVE yang telah menghimpunkan seramai kira-kira 200 petugas barisan hadapan daripada pelbagai agensi perintis 1SERVE seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kebajikan

Masyarakat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Manjung, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, Hospital Tengku Ampuan Rahimah dan Institut Tadbiran Awam Negara.

Program *Team Bonding* Komuniti 1SERVE yang diadakan di Eagle Ranch Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan selama 3 hari 2 malam ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri KPPA.



## Sesi Bersama Media Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015



**PUTRAJAYA, 24 MEI 2016** - Sesi Bersama Media Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 telah diadakan di Auditorium Kompleks E bersama-sama YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Dato' Jalil bin Marzuki, TKPPA (P), dan YBhg. Datuk Anwari Bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan).

Sesi Bersama Media ini adalah susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 1 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 18 Mei 2016 dan diharap dapat memberikan gambaran yang tepat dan menyeluruh kepada warga media. Turut hadir bersama adalah Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Jabatan yang berkenaan untuk memberi penjelasan dan menjawab persoalan daripada pihak media berhubung LKAN Tahun 2015 Siri 1.



## JPA4U Ceria: Olimpik Kampung Style



**PUTRAJAYA, 16 MEI 2016** - JPA4U Ceria: Olimpik Kampung *Style*, anjuran Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS) telah diadakan di perkarangan Lobi C3, Kompleks C, JPA dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' TKPPA(P). Program JPA4U Ceria kali ini berkonsepkan pertandingan di antara bahagian dalaman JPA menerusi permainan tradisional seperti Batu Seremban, Chaptah, Congkak dan Tuju Tin.

Program JPA4U Ceria: Olimpik Kampung *Style* ini merupakan sebuah program di bawah inisiatif JPA4U Ceria yang menekankan konsep '*work-life balance*' dan menyambut saranan dari amanat YBhg. Tan Sri KPPA 2016 yang bertemakan tahun keseronokan bekerja.



## Majlis Penyampaian Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Sesi 2016/2017



**PUTRAJAYA, 27 MEI 2016** - Majlis Penyampaian Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Sesi 2016/2017 telah berlangsung di Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra dan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri. Biasiswa ini diperkenalkan bagi mengiktiraf kebolehan luar biasa seseorang calon, di samping memberi peluang untuk mereka melanjutkan pengajian di peringkat pasca

ijazah (Sarjana dan Ph.D) di dalam dan di luar negara.

Pada sesi pengajian 2016/2017, seramai sebelas calon dari bidang pengajian sains, teknologi dan perundangan telah diputuskan sebagai penerima BYDPA. Tahniah diucapkan kepada semua penerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong Sesi Pengajian 2016/2017.



## Majlis Amanat Ketua Perkhidmatan & Penyampaian Surat Pemangkuan



**PUTRAJAYA, 30 MEI 2016** - Majlis Amanat Ketua Perkhidmatan dan Penyampaian Surat Pemangkuan kepada Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 ke F44 telah diadakan di Dewan Mezzanine JPA, Blok C1, Kompleks C dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' TKPPA(P). Majlis Amanat Ketua Perkhidmatan dan Penyampaian Surat Pemangkuan ini melibatkan seramai 77 orang Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

Dalam amanat beliau, YBhg. Dato' TKPPA(P) mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pegawai yang terlibat. Beliau berharap dengan pemangkuan jawatan ini, ia akan menyuntik semangat bagi pegawai terlibat untuk lebih berkomited dan bertanggungjawab dalam memberikan mutu dan hasil kerja yang lebih baik seiring dengan kenaikan pangkat yang diberikan.



## Lawatan Kerja KPPA ke United Kingdom, Russia, Republik Czech, Jerman dan Perancis



**PUTRAJAYA, 21 MEI 2016** - Lawatan Kerja YBhg. Tan Sri KPPA ke United Kingdom, Russia, Republik Czech, Jerman dan Perancis telah dilaksanakan dengan jayanya sebagaimana yang dirancang, bermula dari 21hb Mei hingga 2hb Jun 2016. Lawatan ini melibatkan perjumpaan dengan penjawat awam dari pelbagai agensi yang ditempatkan di Kedutaan Besar dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di negara berkenaan.



Semasa sesi interaksi tersebut YBhg. Tan Sri KPPA telah berkongsi dasar-dasar semasa Kerajaan dan perkembangan terkini di Malaysia berhubung perkara-perkara berkaitan Perkhidmatan Awam seperti Dasar Transformasi Nasional, Konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam, Rasionalisasi Skim Perkhidmatan meliputi penambahbaikan 252 skim perkhidmatan, penetapan gaji minimum dan pemberian faedah satu Kenaikan Gaji Tahunan, serta pelaksanaan Dasar Pemisah bagi pegawai yang berprestasi rendah dalam Perkhidmatan Awam.

YBhg. Tan Sri KPPA juga telah mengadakan sesi ramah mesra bersama pelajar/pegawai tajaan di setiap lokasi lawatan (London, Oxford, Moscow, Prague, Frankfurt dan Paris). Seramai 239 orang pelajar/pegawai tajaan yang ditemui adalah meliputi pelbagai bidang (Perubatan, Kejuruteraan, Sains dan Sains Sosial) serta pelbagai peringkat pengajian (Ijazah Pertama, Sarjana dan PhD). Pelajar/pegawai terdiri daripada pelajar/pegawai yang ditaja di bawah Program Biasiswa Yang di-Pertuan Agong, Program Hadiah Latihan Persekutuan, Program Mahasiswa Cemerlang dan Program Lulusan Bursary. Di samping itu, terdapat juga pelajar tajaan di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera/IPTA atau SLAB/SLAI juga turut hadir dalam perjumpaan tersebut. Melalui sesi tersebut

pelajar/pegawai tajaan berkenaan telah diberi penerangan mengenai inisiatif transformasi yang diperkenalkan Kerajaan serta menjelaskan pembaharuan-pembaharuan yang telah dilaksanakan dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam. Pelajar/pegawai juga diingatkan supaya peka dengan persekitaran mereka yang semakin kompetitif dan seharusnya menjadikan mereka lebih berdaya saing di peringkat global. Pada keseluruhannya pelajar/pegawai tersebut telah memberi maklum balas yang baik berhubung persekitaran pembelajaran di institusi masing-masing. Pelajar-pelajar tahun akhir yang akan menamatkan pengajian juga telah dinasihatkan agar melapor diri ke JPA selepas tamat pengajian dan menunaikan kontrak berkhidmat di Malaysia.



Dikesempatan lawatan kerja ini delegasi lawatan dari JPA ini telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak di United Kingdom dan Eropah. Ia bertujuan meneroka peluang kerjasama bagi pembangunan modal insan Perkhidmatan Awam

Malaysia khususnya dalam bidang kepimpinan sektor awam, serta mewujudkan rangkaian perkongsian strategik dalam bidang tertentu. Sesi perbincangan diadakan melalui lawatan ke agensi berikut:



**(a) Executive Education & International Office, Said Business School, University of Oxford**

Pihak *Said Business School* terbuka kepada cadangan untuk berkerjasama secara strategik dengan INTAN dalam membangunkan model latihan berpandukan program *Oxford Strategic Leadership Programme* (OSLP) dan *Oxford High Performance Leadership Programme* (OHPLP) untuk dilaksanakan di Malaysia bagi memberi manfaat yang lebih besar kepada penjawat awam.





**(b) Institute of Asian and African Studies, Moscow State University (IAAS )**

IAAS menyediakan pelbagai bidang pengajian Asia dan Afrika dalam bidang linguistik, ekonomi, sejarah dan politik untuk pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda. Pengajian Bahasa Melayu merupakan salah satu pilihan kepada pelajar Rusia. IAAS bersetuju dengan cadangan untuk mengadakan kerjasama yang lebih meluas melalui kolaborasi strategik dengan IPT tempatan dan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam memperluaskan lagi program pengembangan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Bahasa Melayu.




**(c) Language Centre (Carl Duisberg Centren – CDC, Institut fur Internationale Kommunikation – IIK dan Deutsche Gesellschaft Fur Internationale Zusammenarbeit – GIZ)**

Pusat-pusat pengajian bahasa Jerman ini mengendalikan program persediaan bahasa kepada pelajar-pelajar tajaan Malaysia sebelum melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama. Program pengajian persediaan A-Level Jerman dikendalikan di Malaysia dengan kerjasama IPT tempatan iaitu *First City University College*, *INTEC Education College* dan *German Malaysia Institute*.



Dalam mengambil maklum program-program pengajian bahasa yang disediakan, turut ditekankan adalah keperluan untuk pusat bahasa memastikan prestasi pencapaian pelajar yang cemerlang serta peluasan skop pemantauan meliputi peringkat persediaan dan Ijazah Pertama.



**(d) United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO)**

Perbincangan berkisar kepada perkongsian pengalaman Malaysia dalam merealisasikan Dasar Transformasi Nasional. Proses engagement sehingga peringkat akar umbi adalah antara faktor utama dalam kejayaan pelaksanaan transformasi perkhidmatan awam di Malaysia. Kedua-dua pihak bersetuju berkongsi pengalaman perubahan dan transformasi masing-masing dengan lebih terperinci dengan memanfaatkan ruang yang disediakan semasa pelaksanaan program-program UNESCO di Malaysia.

